

BAB KETIGA

PROSEDUR TUNTUTAN CERAI TA'LIQ DI MAHKAMAH SYARIAH KOTA BHARU

Pendahuluan

Permohonan cerai ta'liq bagi individu yang menetap di Kota Bharu akan dikemukakan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Bagi permohonan dari individu yang menetap di jajahan lain akan dikemukakan di Mahkamah Rendah Syariah jajahan masing-masing. Kes-kes cerai ta'liq dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah di bawah bidangkuasa mal sepertimana yang telah ditentukan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.¹

Seksyen 9(2) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982, antara lain memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk membicarakan dan memutuskan semua jenis perceraian termasuk cerai ta'liq seperti yang diperuntukkan dalam bahagian IV Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 1983.²

Mahkamah masih mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes-kes isteri yang mana suaminya tidak bermukim atau bermastautin di negeri ini tetapi hendaklah ia ditinggalkan langsung atau suaminya telah dibuang negeri dan sebelum peninggalan itu, suaminya telah bermastautin atau bermukim di Kelantan. Namun disyaratkan isteri itu hendaklah bermastautin atau bermukim di negeri ini selama tempoh sebulan sebelum saja bermulanya langkah perbicaraan itu. Ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 32(1), EKINK.

Seksyen 37(1), (pindaan seksyen 50(1), No.6, tahun 2002), pula menyatakan bahawa “Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat ta’liq yang dibuat apabila berkahwin, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.”

Menurut seksyen ini, seorang isteri berhak membuat tuntutan cerai ta’liq di mahkamah Syariah sekiranya suaminya telah melakukan pelanggaran ta’liq yang dilafazkannya semasa ijab kabul. Selain isteri, suami juga berhak untuk memohon cerai ta’liq lisan atau spontan oleh mana-mana pihak sama ada pihak suami, isteri atau orang lain.

Dalam kes pelanggaran *sighah* ta’liq yang terdapat dalam surat nikah, perceraian tersebut tidak akan berlaku sekiranya isteri tidak membuat permohonan kepada mahkamah walaupun suaminya telah meninggalkannya, tidak memberi nafkah dan sebagainya kerana syarat yang ditetapkan ialah isteri hendaklah mengadu kepada hakim barulah boleh disabitkan jatuh talak. Ini berbeza dengan pelanggaran ta’liq lisan atau spontan kerana perceraian itu tetap berlaku walaupun tiada aduan dari pasangan tersebut.

3.1 Prosedur Tuntutan Cerai Ta’liq³

Perceraian dengan ta’liq mempunyai prosedur yang berbeza dengan perceraian biasa. Misalnya dalam perceraian biasa, permohonan cerai hendaklah diisi dalam borang 5A sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 35

EKINK 1983, (pindaan seksyen 47(1), No.6, tahun 2002). Manakala dalam tuntutan cerai ta'liq, ia tidak mempunyai borang yang khusus cuma si isteri harus menghantar atau menfaikan satu penyata tuntutan di mahkamah sama ada secara peribadi atau melalui Peguam Syarie.⁴ Bagi yang berkemampuan bolehlah menggunakan khidmat Peguam Syarie swasta manakala bagi yang tidak berkemampuan khidmat Peguam Syarie daripada Biro Bantuan Guaman (BBG) bolehlah digunakan kerana bayaran yang dikenakan adalah berpatutan di mana isteri perlu dikenakan ujian kelayakan pendapatan terlebih dahulu. Kebiasaannya bayaran yang dikenakan RM2.00 sahaja bagi mereka yang berpendapatan rendah iaitu RM 1000 ke bawah. Mahkamah akan mengeluarkan surat perwakilan melalui borang 8 untuk membantu pihak yang menuntut mewakilkan kepada Biro Bantuan Guaman.⁵

Bagi mereka yang menggunakan khidmat guaman, segala pliding mengenai kes tersebut akan diuruskan oleh peguam. Jika yang ingin meneruskan perbicaraan tanpa memerlukan khidmat peguam, urusan pliding kes hendaklah diuruskan dengan sendiri.

Sebelum sesuatu kes didaftarkan ke mahkamah, terlebih dahulu pihak Yang Menuntut sama ada suami atau isteri hendaklah memastikan bidangkuasa mahkamah terlebih dahulu agar tidak timbul isu *locus standi* yang mana pihak-pihak adalah layak untuk meneruskan kes di mahkamah yang sesuai. Antara isu yang perlu dikenalpasti ialah mengenai taraf pemastautinan pihak tersebut sama ada bermukim atau bermastautin di sesuatu tempat bagi membolehkan sesuatu kes di faillkan di mahkamah mengikut jajahan masing-masing.

Walau bagaimana pun, fakta yang penting dalam proses penyelesaian kes cerai secara ta'liq ini ialah wujud atau tidak *sighah* ta'liq yang dilafazkan oleh suami semasa akad nikah dilakukan. Di samping dokumen-dokumen yang mengesahkan berlaku pernikahan yang sah seperti sijil nikah yang sah mengikut undang-undang dan hukum syarak. Sijil nikah ini penting sebagai bukti pasangan tersebut suami isteri, serta telah berlaku ucapan ta'liq yang dilafazkan oleh suami.

Apabila dipastikan pelanggaran ta'liq telah berlaku, pemohon boleh menfaikan permohonannya di mahkamah dan diletakkan di bawah jenis-jenis tertentu seperti ta'liq lisan, ta'liq tidak peduli, ta'liq menyakiti tubuh badan dan sebagainya. Dalam pernyataan tuntutan tersebut biasanya mengandungi maklumat seperti nama suami isteri, alamat mereka yang boleh dihubungi, jumlah anak (jika ada) dan sebab hendak menuntut cerai ta'liq dengan dikembarkan bersama dokumen-dokumen yang berkaitan seperti sijil keterangan kahwin dan sebagainya. Bagi kes tuntutan ta'liq menyakiti tubuh badan, si isteri boleh melampirkan bersama surat pengesahan doktor dan laporan polis bagi mengukuhkan lagi dakwaannya.⁶ Kebiasaan dalam kes ta'liq pukul, pihak-pihak boleh memohon kepada mahkamah suatu perintah untuk menghalang suami daripada membuat sebarang kacau ganggu terhadap isteri sepanjang proses perbicaraan berlangsung.⁷

Sebelum sesuatu kes didaftarkan, Pendaftar mahkamah akan terlebih dahulu membuat perhatian mengenai kes ini terutamanya yang melibatkan isu bidangkuasa. Selepas itu barulah boleh didaftarkan dengan merekodkan butir-

butir yang dikemukakan dan tarikh untuk sebutan kes akan diberikan kepada pihak YM dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pendaftaran.

Selepas itu mahkamah akan keluarkan notis atau saman kepada YKT mengikut alamat yang diberikan.⁸ Seboleh-bolehnya penyerah notis atau lebih dikenali sebagai Penghantar Saman akan menghantar notis ke tangan YKT sendiri dan YKT akan tandatangan di belakang notis. Notis yang asli diberikan kepadanya dan salinannya akan dihantar ke mahkamah. Sekiranya notis itu tidak dapat disempurnakan kerana ada masalah tertentu seperti YKT menghilangkan diri atau berpindah kerana ingin mengelak dari menerima notis, penyerah notis akan membuat affidavit atau perakuan bersumpah bahawa notis tidak dapat disempurnakan.⁹ Selepas itu mahkamah akan menilai dan akan mengarahkan penyerah notis menyerahkan notis secara gantian iaitu ditampal di alamat terakhir YKT atau diserah kepada waris atau saudara mara YKT atau masjid-masjid berhampiran dengan alamatnya. Notis juga akan diserahkan kepada mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh jajahan agar ditampal di papan kenyataan yang dapat dilihat oleh orang ramai. Begitu juga jika YKT disyaki berada di sesebuah negeri lain, notis juga disampaikan secara gantian melalui Mahkamah Syariah yang terdapat di negeri tersebut.

Pada hari sebutan, mahkamah akan menilai sama ada notis itu telah sempurna atau tidak. Setelah didapati notis belum lagi sempurna, kes akan ditangguhan dan notis akan disampaikan semula sebanyak dua kali kebiasaannya dengan amaran dan jika mahkamah telah berpuas hati bahawa YKT tidak dapat dikesan dimana berada dan notis tampal telah disempurnakan, mahkamah atas

budibicaranya meneruskan perbicaraan kes secara sebelah pihak tanpa kehadiran YKT.

Peraturan ini ditetapkan dalam semua kes cerai ta'liq kecuali kes ta'liq memudaratkan tubuh badan. Bagi kes ini mahkamah akan menghantar surat saman yang mewajibkan YKT hadir pada hari perbicaraan.¹⁰ YKT perlu hadir ke mahkamah untuk mengesahkan sama ada benar atau tidak dia memudaratkan tubuh isterinya. Scandainya dia enggan hadir, mahkamah boleh keluarkan waran tangkap dan polis akan membawanya ke mahkamah pada hari perbicaraan.¹¹

Dalam kes YKT atau suami berada dalam penjara atau Pusat Serenti, mahkamah tetap mempunyai kuasa untuk membawa mereka ini hadir ke mahkamah dengan menggunakan borang khas iaitu 'waran perlukan orang salah' kepada penguasa tempat berkenaan.¹²

3.2 Kaedah Pembuktian Cerai Ta'liq

Dalam perbicaraan kes ta'liq, jika suami hadir dan bersetuju untuk bercerai, mahkamah akan meluluskan permohonan dengan mudah dan perbicaraan boleh dijalankan dengan senang. Sebaliknya jika YKT tidak bersetuju dengan tuntutan YM, maka mahkamah perlu mendengar keterangan kedua-dua pihak. Sebelum diteruskan perbiacaraan di bawah mana-mana tuntutan, mahkamah perlu memastikan bahawa pihak YKT telah memasukkan jawapan atau pembelaan mengenai dakwaan ta'liq oleh YM sekurang-kurangnya dua hari sebelum tarikh sebutan untuk perbicaraan.

Prosedur perbicaraan kes ta'liq sama seperti mana prosedur kes-kes lain di mahkamah, yang mana keterangan utama didengar adalah keterangan YM. YM akan disoal oleh peguam atau keterangan sendiri jika tidak menggunakan khidmat peguam. Seterusnya akan disoal balas oleh YKT atau melalui Peguam YKT dan akhir sekali akan disoal semula oleh YM atau melalui Peguamnya.

Setelah habis keterangan YM, mahkamah akan mendengar semula keterangan saksi YM kerana dakwaan untuk kes ta'liq tidak kuat tanpa sokongan sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki. Setiap keterangan saksi perlu melalui prosedur yang sama seperti keterangan YM iaitu akan dimulai dengan soal utama bagi pihak YM, kemudian disoal balas oleh Pihak YKT sama ada melalui peguam atau sendiri seterusnya akan disoal semula oleh YM sendiri atau melalui Peguam YM.

Keterangan YKT akan didengar setelah habis semua keterangan daripada pihak YM dan saksi-saksinya dan prosedur perbicaraannya adalah sama iaitu keterangan utama YKT akan disoal oleh Peguamnya atau dinyatakan sendiri kepada Mahkamah. Kemudian akan disoal balas oleh YM sendiri atau melalui peguamnya dan akan disoal semula oleh YKT sendiri atau melalui peguamnya. Sebagai menyokong hujahnya, pihak YKT juga perlu mengemukakan saksi atau apa-apa dokumen yang boleh menguatkan hujahnya. Begitu juga mengenai keterangan saksi YKT, iaitu keterangan utama saksi YKT akan disoal oleh YKT sendiri atau melalui peguamnya kemudian akan disoal balas oleh YM atau melalui peguamnya dan akan disoal semula oleh YKT atau melalui peguamnya. Kadang-

kadang. Yang Arif Hakim Bicara boleh mencelah dengan mengemukakan soalan-soalan terhadap semua pihak termasuk saksi kedua-dua pihak.

Setelah mahkamah berpuas hati dengan mendengar keterangan kedua-dua pihak, maka mahkamah akan membuat keputusan sama ada sabit atau tidak tuntutan cerai ta'liq yang dipohon oleh pihak YM. Sekiranya mahkamah menghalusi dan mendapati sabit tuntutan YM, dengan mengambil kira keterangan pihak-pihak beserta saksinya, maka mahkamah akan mensabitkan tuntutan YM dengan sumpah YM iaitu sumpah *Istizhar*¹³ dan membayar RM1 kepada Mahkamah. Walaubagaimana pun, sebelum YM bersumpah, mahkamah akan terlebih dahulu memberi tempoh empat belas hari sekiranya ada ipil oleh YKT.¹⁴ Sekiranya tiada sebarang ipil, selepas YM bersumpah dan membayar RM1 kepada hakim bagi pihak YKT, mahkamah akan mengeluarkan surat keputusan kes dengan gugurnya satu talak khul'i.¹⁵

Tidak semua kes tuntutan cerai ta'liq boleh disabitkan oleh mahkamah. Sekiranya keterangan suami adalah kuat dan disokong oleh saksi yang memenuhi syarat kelayakan saksi seperti adil, tiada tohmah dan sebagainya, maka mahkamah akan menolak dan tidak mensabitkan tuntutan YM bahawa YKT telah melanggar *sighah* ta'liq tersebut.

Ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa untuk mensabitkan atau mengesahkan tuntutan cerai ta'liq scandainya terdapat bukti berlaku pelanggaran ta'liq yang dilafazkan oleh suami dan perkahwinan itu telah dilangsungkan secara sah mengikut undang-undang dan

hukum syarak. Setiap perbicaraan hendaklah melalui prosedur yang ditetapkan oleh mahkamah demi keadilan bagi pihak-pihak. Walaupun terdapat sesetengah pihak beranggapan bahawa prosedur di mahkamah ini adalah merumitkan dan mendatangkan beberapa permasalahan kepada pihak-pihak terutamanya pihak YM kerana keinginan untuk mendapatkan haknya akan mengambil masa yang lama. Namun, begitulah ketetapan yang harus dilalui dan diakui oleh pihak-pihak bilamana sesuatu kes itu difaikkan ke mahkamah.

3.3 Analisa Permasalahan dalam Prosedur Tuntutan Cerai Ta'liq

Dalam usaha mendapatkan maklumat berkaitan kes cerai ta'liq, penulis telah memilih sebanyak 30 kes cerai ta'liq secara rawak. Hasil daripada kajian terhadap kes-kes ini penulis telah dapat mengumpul beberapa maklumat seperti permasalahan yang timbul dalam proses cerai ta'liq serta faktor secara umum berlakunya cerai ta'liq di kalangan masyarakat Kelantan. Berikut adalah jumlah kes tuntutan ta'liq yang dipilih mengikut kategori:

Jadual 3.3 Jumlah Kes Cerai Ta'liq Yang Dipilih Mengikut Kategori

Bil	Kategori Kes	Jumlah kes
1	Ta'liq Tinggal	8
2	Ta'liq Tidak Memberi Nafkah	5
3	Ta'liq Menyakiti Tubuh Badan	5
4	Ta'liq Tidak Peduli	3
5	Ta'liq Tidak Sekedudukan	2
6	Ta'liq Persendirian atau Lisan	6
7	Ta'liq Suami Ghaib	1
	Jumlah	30

Tidak dapat dinafikan dalam mensabitkan atau mengesahkan tuntutan cerai ta'liq yang dibuat oleh isteri, hakim atau mahkamah terpaksa berhadapan dengan berbagai-bagai masalah. Pada hakikatnya, masalah-masalah ini bukanlah suatu yang diundang oleh pihak mahkamah atau pihak mahkamah sengaja menimbulkan masalah. Apabila berlaku penangguhan atau kelewatan perbicaraan, maka berbagai tanggapan dibuat oleh pihak yang bertelingkah atau ahli keluarga mereka. Ada yang menganggap mahkamah sengaja melengah-lengahkan kes-kes perceraian dengan harapan pasangan yang ingin bercerai akan berbaik semula. Sesetengahnya pula menyalahkan mahkamah apabila isteri yang teraniaya oleh suami akan terus teraniaya disebabkan pihak mahkamah sengaja melambat-lambat perbicaraan. Sedangkan pihak mahkamah sebenarnya menghadapi berbagai masalah. Antara masalah-masalah yang dihadapi adalah;

3.3.1 Kurangnya Pengetahuan Tentang Ta'liq dan Peruntukan Undang-Undang Mengenainya

Sebelum mengemukakan permohonan, pihak YM sepatutnya memahami apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan ta'liq mengikut hukum syarak dan apakah peruntukan undang-undang yang berkaitan dan apakah isu yang hendak dikemukakan kepada mahkamah serta bagaimana isu itu boleh dibuktikan. Pihak YM sepatutnya membuat persediaan terlebih dahulu sebelum mengemukakan sesuatu permohonan agar proses perbicaraan berjalan lancar di samping dapat membantu mahkamah menyelesaikan kes dengan mudah tanpa membazirkan masa pihak-pihak dan juga mahkamah. Mereka hendaklah berusaha mencari maklumat yang perlu daripada pihak berwajib sekiranya kurang pengetahuan

mengenai perkara itu seperti berjumpa Pegawai Agama atau mana-mana kaunselor yang boleh membantu.

3.3.2 Pihak-pihak Tidak Menggunakan Khidmat Peguam

Masalah yang dihadapi ini secara tidak langsung akan mengganggu kelancaran pengendalian sesuatu kes di mahkamah kerana pihak-pihak yang tidak faham prosedur mahkamah akan membuat tindakan tanpa bimbingan peguam bagi memudahkan urusan perbicaraan di mahkamah dan pihak-pihak akan bertindak mengikut kehendak sendiri sehingga menyukarkan hakim dalam membuat sesuatu keputusan.

3.3.3 YKT (suami) Sukar dihubungi

Salah satu prosedur penting dalam mensabitkan tuntutan cerai ta'liq adalah kehadiran YKT. Selepas merekodkan butir-butir kes yang dikemukakan oleh YM di mahkamah, notis akan dihantar kepada YKT untuk memaklumkan tentang tuntutan tersebut. Jika YKT dapat dikesan lebih awal, mudah bagi mahkamah untuk membicarakan kes. Sebaliknya jika YKT gagal dihubungi atau sengaja melarikan diri, mahkamah terpaksa melalui beberapa prosedur sehingga melibatkan seluruh jajahan lain untuk menampal notis gantian. Bagi kes-kes seperti ta'liq menyakiti tubuh badan, mahkamah akan menghantar surat saman, jika YKT masih gagal hadir seterusnya akan dikeluarkan waran tangkap. Jika YKT masih lagi tidak dapat dihubungi, mahkamah akan mengadakan perbicaraan

sebelah pihak. Proses penghantaran notis tersebut akan memakan masa dan melambatkan perbicaraan dan keputusan sesuatu kes.

Kebanyakan kes tuntutan ta'liq tinggal, ta'liq tidak peduli dan ta'liq tidak sekedudukan menghadapi masalah sedemikian kerana YKT iaitu suami memang meninggalkan isteri dan sesetengah suami memang sengaja menglilangkan diri contohnya dalam dalam kes *Juliana bt. Mohd Johan* lawan *Ahmad Halim bin Hussin*.¹⁶ Dalam kes ini, mahkamah terpaksa menghantar notis gantian kepada Mahkamah Tinggi Syariah Syah Alam, Selangor. Namun YKT masih gagal dihubungi. Antara contoh kes lain, yang mana mahkamah terpaksa menjalankan perbicaraan tanpa kehadiran YKT adalah kes *Hasnah* lawan *Borhan Al-Din*¹⁷ dan kes *Syam Sarah* lawan *Kassim*.¹⁸

3.3.4 Kesukaran Mengemukakan Keterangan dan Saksi

Dalam mensabitkan sesuatu kes, keterangan YM adalah diperlukan dan disokong oleh dua orang saksi. Begitu juga dalam kes cerai ta'liq. Jika keterangan saksi gagal dikemukakan atau keterangan saksi bercanggah dengan keterangan YM sukar bagi hakim untuk memutuskan kes. Apa yang menjadi masalah pada YM adalah kesukaran untuk membawa saksi yang mengetahui tentang perlanggaran ta'liq telah berlaku seperti kes-kes ta'liq pukul. Biasanya kes-kes sebegini tiada saksi yang melihatnya. Hanya bergantung kepada laporan polis dan doktor. Kalau ada sekalipun, mereka enggan untuk tampil memberi keterangan di mahkamah. Walaupun dokumen yang diperolehi seperti laporan polis dan perubatan oleh doktor diperolehi tetapi ia masih tidak memadai.

YM juga perlu membawa kesemua keterangan dengan harapan jika tidak sabit kesemuanya, sekurang-kurangnya satu daripadanya dapat dibuktikan, seterusnya disabitkan oleh mahkamah. Contohnya jika tidak dapat disabitkan dari segi ‘tidak memberi nafkah’ mungkin dapat disabitkan pada perkara ‘menyakiti tubuh badan’. Bagi kes-kes suami tidak membayar nafkah juga sukar untuk dibuktikan kerana senario dalam rumah tangga tidak menggunakan resit. Oleh kerana itu kebanyakan kes cerai ta’liq diselesaikan dengan cara sumpah *istizhar* oleh isteri untuk mengukuhkan keterangannya.

3.3.5 Rayuan oleh Suami

Suami memang berhak membuat rayuan selepas 14 hari keputusan perbicaraan. Jika tiada sebarang ipil barulah mahkamah mensabitkan tuntutan isteri dan mendaftarkan perceraian. Kadang-kadang terdapat kes yang telah disabitkan tetapi suami masih membuat ipil dan ada kalanya dalam masa yang sama suami membuat dakwaan yang lain seperti dakwaan isterinya telah nusyuz menyebabkan suami tidak membayar nafkah. Apabila terdapat rayuan atau dakwaan bahawa isteri telah nusyuz, maka mahkamah akan menilai semula kes tersebut. Ini menyebabkan prosedur untuk mensabitkan cerai ta’liq menjadi sukar. Contohnya seperti yang berlaku dalam kes *Aisny Bt. Mohd Daris lawan Haji Fahro Razi B. Mohd.*¹⁹. Dalam kes ini, isteri telah berpindah rumah tanpa izin suami apabila suami mengabaikan nafkah setelah berkahwin lain. Mahkamah memutuskan isteri perlu membuktikan bahawa dia tidak nusyuz. Apabila terbukti, barulah mahkamah memutuskan isteri berhak mendapat perceraian menurut syarat surat ta’liq.

3.3.6 Penangguhan Kes oleh Peguam

Kebiasaannya YM akan mewakilkan kes-kes tuntutan cerai ta'liq kepada Biro Bantuan Guaman (BBG). Pihak Jabatan Agama Islam Kelantan telah memberi kemudahan kepada Pihak YM dengan mengenakan bayaran RM2.00 sahaja. Ini kerana kebanyakan isteri yang membuat aduan di Mahkamah tidak mempunyai pekerjaan dan tiada pendapatan tetap. Kadang-kadang pihak Biro Bantuan Guaman akan menangguhkan kes disebabkan berlakunya masalah-masalah tertentu seperti pertembungan kes antara Mahkamah Tinggi Syariah dengan Mahkamah Rendah Syariah. Adakalanya pihak mahkamah sendiri akan menangguhkan kes disebabkan kekurangan hakim apabila salah seorang hakim bercuti.

3.3.7 Penangguhan oleh Pihak-pihak

Pihak-pihak yang bertikai juga sering menimbulkan masalah kepada mahkamah terutamanya tidak menghadiri perbicaraan pada tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah dengan pelbagai alasan. Dan ketidakhadiran salah satu pihak sama ada YM atau YKT akan menyusahkan mahkamah kerana kes tidak dapat diteruskan perbicaraan dan terpaksa ditangguhkan bilamana salah satu pihak tidak hadir. Tidak dapat tidak perkara seperti ini akan melambatkan proses penyelesaian sesuatu kes.

3.3.8 Penangguhan oleh Mahkamah

Kebiasaannya penangguhan sesuatu kes oleh mahkamah adalah disebabkan tugas hakim yang terpaksa menghadiri seminar atau kursus yang dianjurkan serta wajib dihadiri. Di samping itu, terdapat masalah kesihatan atau lain-lain masalah yang tidak dapat dielakkan seseorang hakim itu terpaksa bercuti. Akibatnya kes terpaksa ditangguhkan ke satu masa yang lain yang akan memakan masa yang lama untuk menyelesaikan sesuatu kes.

Masalah-masalah yang dinyatakan tersebut bukan sahaja berlaku dalam menyelesaikan kes-kes cerai ta'liq, bahkan kebanyakan kes-kes lain juga akan menghadapi masalah yang sama. Ini bererti kelemahan ini bukanlah kelemahan yang disengajakan tetapi merupakan perkara yang sukar diatasi. Walaupun menghadapi masalah dalam menyelesaikan kes-kes cerai ta'liq, namun tidak semua kes sukar diselesaikan. Adakah kes cerai ta'liq dapat diselesaikan dengan mudah seperti mana kes cerai biasa, ia boleh diselesaikan dalam kamar hakim apabila cukup keterangan dan keperluan lain dalam proses perbicaraan tersebut. Kebiasanya kelewatan kes-kes tersebut akan dapat diselesaikan tidak lebih dari satu tahun.

3.4 Laporan Kes-kes Tuntutan Cerai Ta'liq dari Fail-fail Kes di Mahkamah Syariah Kota Bharu

3.4.1 Ta'liq Tinggal

Perceraian ta'liq jenis ini biasanya paling banyak dituntut oleh para isteri di Mahkamah Syariah. Kebanyakan suami biasanya meninggalkan isteri tanpa sebarang alasan yang munasabah atau sebarang pesanan. Dalam kes *Salehah binti Zakaria* lawan *Che Ku Ali Che Ku Ngah*,²⁰ YM dan YKT merupakan telah berkahwin dengan lafadz syarat-syarat ta'liq. Mereka tinggal bersama dan mendapat empat orang cahaya mata. Pada akhir tahun 1991 YKT telah meninggalkan YM di kampung YKT tanpa memberitahu YM ke mana dia akan pergi dan apa tujuannya. YKT tidak balik-balik sehingga tahun 1997, sedangkan YM seorang yang taat kepada suami. Mahkamah akhirnya mensabitkan tuntutan cerai ta'liq YM setelah mendengar keterangan YM berserta saksi-saksi yang dikemukakan. Keterangan YM disempurnakan dengan sumpah *istizhar*.

Manakala dalam kes *Som @ Che Norliza bt Che Kob* lawan *Muhammad Sauki bin Muhammad Nawfi*,²¹ YM dan YKT telah berkahwin pada 1993 mengikut hukum syarak. Setelah berkahwin mereka tinggal di rumah YM. Sepanjang perkahwinan YM dan YKT tidak dikurniakan anak. Pada tahun 1998 YKT telah meninggalkan YM buat kali terakhir tanpa memberitahu YM ke mana beliau hendak pergi sedangkan YM masih taat kepada YKT dan masih tinggal di rumahnya. YKT tidak balik-balik lagi sehinggalah tuntutan cerai ta'liq dibuat oleh YM. Permohonan YM akhirnya dibenarkan oleh Mahkamah dengan sabit jatuh satu talak setelah YM bersumpah *istizhar* dan membayar RM1.00.

Terdapat juga kes di mana YKT berasal dari luar negeri Kelantan dan meninggalkan isteri sehingga tidak dapat di kesan oleh mahkamah. Contohnya kes *Jultana bt Mohd Johan* lawan *Ahmad Halim bin Hussin*.²² Dalam kes ini YKT telah berkahwin pada tahun 1994 di Kelantan mengikut hukum syarak. Setelah berkahwin YM dan YKT telah tinggal di Shah Alam sehingga bulan Oktober 1995. Selepas bersalin pada bulan Oktober tahun yang sama YKT telah mengusirnya keluar dari rumah. YM kemudiannya telah pulang tinggal di rumah ibunya di Kelantan sehinggalah tuntutan ta'liq dibuat. YKT bukan sahaja meninggalkan YM melebihi empat bulan berturut-turut tanpa mengirim atau memberi nafkah sebagaimana yang dianjurkan oleh syarak malah sudah melebihi tiga tahun.

Dalam kes ini Mahkamah Rendah Syariah negeri Kelantan telah menghubungi Mahkamah Tinggi Syariah negeri Selangor untuk menghantar saman kepada YKT melalui surat yang disertakan peta lakar rumah YKT. Penghantar saman Mahkamah Tinggi Syariah daerah berkenaan telah berusaha menghantar saman berkenaan tetapi tidak dapat dihubungi walaupun saman tersebut telah ditampal di alamat tersebut. Dalam kes ini walaupun YKT gagal dihubungi Mahkamah tetap memutuskan mensabitkan tuntutan cerai ta'liq YM setelah YM bersumpah *istizhar* dan membayar wang tebus talak RM1.00.

Bagi kes ta'liq tinggal kebiasaannya YKT tidak hadir ke mahkamah pada hari perbicaraan. Ketidakhadiran YKT sama ada disebabkan notis perbicaraan tidak sampai kepada YKT atau kerana YKT sengaja mlarikan diri dan enggan hadir. Dalam soal ini mahkamah hanya melaksanakan prosedur

dengan menghantar notis gantian ke alamat yang diberi oleh YM dan menampalnya di mahkamah-mahkamah syariah seluruh jajahan. Jika masih lagi tidak hadir, kes akan dibicarakan sebelah pihak. Hakim akan mendengar keterangan pihak YM dan YM diminta bersumpah *istizhar* iaitu sebagai menyempurnakan keterangan yang diberi. Akhirnya keputusan akan disabitkan.

3.4.2 Ta'liq Tidak Mempedulikan Isteri

Perceraian ta'liq tidak peduli boleh disabitkan apabila suami meninggalkan isteri iaitu tidak balik ke rumah tanpa sebarang berita, tidak memberi nafkah atau meninggalkan sebarang harta benda yang boleh dijadikan nafkah dan tidak bersekedudukan dengan isteri selama empat bulan atau lebih. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan suami tidak mempedulikan isteri. Antaranya suami berada di pusat serenti atau penjara, alasan mencari pekerjaan dan sebagainya.

Antara kes yang boleh dirujuk berkaitan dengan tuntutan ta'liq tidak mempedulikan isteri adalah seperti kes *Rohani bt. Adam* lawan *Hlias bin Muhammad*.²³ YM dan YKT telah berkahwin pada bulan Mei 1986 mengikut hukum syarak diikuti dengan lafadz syarat-syarat ta'liq oleh YKT. Selepas berkahwin YM dan YKT tinggal bersama di sebuah rumah sewa. Mereka telah dikurniakan empat orang anak hasil perkahwinan mereka. Pada bulan November 1997 YKT telah menghantar YM balik ke rumah keluarga YM di Kota Bharu selepas bercerai kali pertama dan rujuk semula YM. Semenjak tarikh tersebut YKT tidak pernah balik-balik dan tidak bertanya khabar serta tidak memberi

nafkah kepada YM. YM masih tinggal di tempat yang sama dan tidak pernah berpindah ke mana-mana tempat lain selama ketiadaan YKT. YM telah membuat permohonan supaya mahkamah mensabitkan tuntutan pengesahan cerai ta'liq tidak mempedulikan atas alasan YKT telah meninggalkan YM melebihi empat bulan iaitu mulai bulan september 1998 sehingga tuntutan dibuat pada bulan April 1999. Oleh kerana YKT telah ditahan di pusat serenti, dia telah gagal bersekedudukan dan memberi nafkah kepada YM dalam tempoh tersebut. Setelah perbicaraan mahkamah telah mensabitkan tuntutan tersebut pada bulan Februari 2001.

Hal yang sama berlaku dalam kes *Zainun bt. Che Ya lawan Mohd Zin b. Nik Man*.²⁴ Dalam kes ini YKT telah ditahan di Pusat Serenti. YM telah membuat tuntutan agar mahkamah mensabitkan pengesahan ta'liq tidak mempedulikan atas alasan suami telah meninggalkan YM melebihi empat bulan iaitu mulai bulan Disember 1998 sehingga tuntutan dibuat pada bulan April 1999.

3.4.3 Ta'liq Tidak Memberi Nafkah

Isteri yang masih tinggal bersama suami masih berhak menuntut cerai ta'liq seandainya suaminya telah mengabaikan nafkah yang wajib diberikan kepada seorang isteri. Tetapi dengan syarat ia mencapai tempoh empat bulan dan sepanjang tempoh itu isteri masih taat dan tidak nusyuz kepada suami.

Jika dilihat dalam kes *Che Zawana binti Che Ahmad lawan Hamid bin Kassim @ Hussin*,²⁵ semenjak kahwin YKT telah mengabaikan untuk memberi

nafkah zahir kepada isterinya dan pada Oktober 1998 YKT telah bertindak agak melampau bila beliau meminta hutang kepada YM sebanyak RM5000.00 sedangkan dia tidak memberi nafkah kepada YM malah membebankan YM untuk menyara keluarga. Tindakan ini menyebabkan YM menuntut cerai ta'liq .

Manakala dalam kes *Aniza binti Ibrahim lawan Mohammad Nor bin Ismail*.²⁶ Setelah lima tahun berkahwin, YKT mula mengabaikan nafkah kepada YM dan pada masa yang sama tidak menjelaskan tunggakan sewa rumah selama tiga bulan. YM telah mengemukakan tuntutan cerai ta'liq kepada mahkamah syariah dan akhirnya disabitkan .

3.4.4 Ta'liq Menyakiti Tubuh Badan

Ta'liq menyakiti tubuh badan atau memudharatkan isteri biasanya dituntut apabila berlaku kekejaman ke atas isteri seperti suami memukul isteri atau mencederakan isteri dengan apa cara sekalipun. Ini berlaku biasanya berpunca dari sikap suami yang panas baran dan tidak berfikir panjang. Untuk mensabitkan kes-kes sedemikian biasanya isteri akan mendapatkan laporan perubatan sebagai bahan bukti.

Apabila isteri membuat dakwaan terhadap suami yang telah melanggar ta'liq kerana telah menyakiti tubuh badannya dan keterangannya diakui oleh suami maka mudahlah bagi suami untuk mengesahkan tuntutan isteri. Contohnya dapat dilihat dalam kes *Mariam Lawan Setapa*.²⁷ YM dalam kes ini adalah seorang guru sekolah menengah. YM dan YKT pernah bercerai dan rujuk semula

dengan YKT melafaz ta'liq di hadapan kadi Mahkamah Syariah Kota Bharu. Kemudian pada bulan Januari 1981 YKT telah memukul YM dengan diari hingga berdarah, memulas tangan kiri dan menumbuk bahu kiri hingga lebam. YM kemudiannya berjumpa doktor dan doktor mengesahkan kejadian itu. YM telah memberi keterangan seperti mana kejadian tersebut dan keterangannya diakui oleh YKT. Hakim telah mensabitkan tuntutan cerai ta'liq menyakiti tubuh badan oleh YM setelah YM membayar RM1.00 kepada hakim bagi pihak YKT.

Dalam kes *Kholyah bt Harun* lawan *Madzuki bin Mamat*,²⁸ YM telah dipukul oleh YKT pada jam 4.00 pagi dalam bulan Disember 1999 di rumahnya di Selangor. Beliau dipukul oleh YKT dengan cara tumbuk, tampar, cekik, tarik rambut dan sebagainya tanpa alasan yang munasabah. Akibat dipukul YM telah alami sakit atas kening, mata, bahu, pipi, berasa Benggang atau berdengung dalam telinga serta menyebabkan kecederaan dalaman. YM juga telah mendapatkan pengesahan pegawai perubatan sebagai bukti tuntutan yang dibuat. Setelah mendapat bukti dan keterangan YM, mahkamah mensabitkan tuntutan pengesahan ta'liq menyakiti tubuh badan ke atas YM.

Begitu juga dalam kes *Husnira binti Kadir* lawan *Muhamad Razi bin Daud*,²⁹ YM dan YKT telah berkahwin pada 1992. YM telah memohon mahkamah mengesah ta'liq menyakiti tubuh badan dengan alasan YKT telah menyakiti tubuh badan YM sepanjang mereka tinggal bersama sebagai suami isteri. YM juga telah mengugut untuk mencederakan YM dengan sebilah golok dan telah mengikat YM dengan sehelai baju. YKT kemudian dengan rakus telah mengheret YM dari tingkat satu rumah hingga ke tingkat bawah. Akibat perbuatan

YKT, YM telah mengalami kesakitan dan kecederaan di bahagian mata, paha, betis, lutut dan kaki. Peristiwa tersebut berlaku pada bulan April 2000. YM telah mendapat rawatan di wad kecemasan dan kemalangan di Hospital Besar Kota Bharu dan telah membuat laporan polis. Mahkamah telah mensabitkan tuntutan ta'liq menyakiti tubuh badan ke atas YM dengan talak satu khul'i pada bulan Disember 2000.

3.4.5 Ta'liq Suami Ghaib

Mahkamah Syariah Kota Bharu juga pernah mensabitkan tuntutan ta'liq atas alasan suami ghaib. Kes ini pernah berlaku di antara *Naimah binti Mahmood* lawan *Isa bin Abdullah*.¹⁰ Kes ini berlaku pada tahun 1998. YM merupakan isteri kedua kepada YKT, mereka tinggal bersama di Johor pada bulan Jun 1995. Isteri pertama YKT telah menghantar YM pulang ke rumah keluarga YM di Kota Bharu, Kelantan. Setelah berada di rumah keluarga YM selama tiga hari, YKT telah meninggalkan YM dan tidak kembali lagi. Pada bulan November 1996 YM pernah mencari YKT di Johor Bharu dan telah tinggal bersama YKT di Johor Bharu selama dua minggu. Selepas itu YKT sekali lagi tidak kembali atau mengirimkan apa-apa nafkah kepada YM. Oleh kerana selepas itu YKT tidak dapat dihubungi dan tidak tahu di mana berada, YKT telah dianggap ghaib. YM juga tidak mengetahui sama ada YKT masih hidup atau telah mati kerana YKT telah meninggalkan YM lebih daripada dua tahun tanpa khabar berita. Mahkamah telah mensabitkan tuntutan tersebut.

3.4.6 Ta'liq Tidak Sekedudukan

Mahkamah Syariah Kota Bharu juga berhak menjatuhkan hukuman cerai ta'liq bagi kes-kes suami yang tidak bersekedudukan dengan isterinya. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Badariah bt. Masrin lawan Ruli Bin Abu Bakar*.³¹ Dalam Kes ini YM dan YKT tinggal di rumah ibu bapa YKT di kawasan perumahan di Kota Bharu. YKT adalah bekas seorang tentera. Hasil perkongsian hidup mereka dikurniakan enam orang anak. Mereka pernah tinggal di Sarawak dan berpindah balik tinggal di Kota Bharu. Kali terakhir YKT telah meninggalkan YM pada bulan November 1999 dan tidak kembali lagi. Oleh kerana itu mereka tidak lagi bersekedudukan melebihi empat bulan. YM memohon agar Mahkamah mengeluarkan perintah mensabitkan cerai ta'liq tidak sekedudukan di antara YM dan YKT. Akhirnya mahkamah meluluskan permohonan untuk bercerai dan berkebenaran kepada suami melafazkan talak dengan talak satu di hadapan mahkamah.

3.4.7 Ta'liq Persendirian atau Lisan

Ta'liq persendirian atau lisan juga biasa disebut sebagai ta'liq spontan. Cerai ta'liq ini tidak dinyatakan dalam peruntukan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, tetapi ia difailkan di Mahkamah Syariah Kota Bharu.

Di antara kes ta'liq lisan seperti kes *Azlina bt. Idris lawan Md Azmi bin Abdullah*.³² Dalam kes ini YM dan YKT telah berkahwin pada 30 September 1989. Hasil perkongsian hidup mereka dikurniakan empat orang cahaya mata.

Pada 27 Disember iaitu pada pagi hari raya Aidilfitri YKT telah berlafaz ta'liq kepada YM dengan katanya "**Kalau mama pergi rumah orang lain pada hari ini selain rumah ayah jatuh talak.**" Selepas lafaz itu diucapkan oleh YKT, YM telah benar-benar pergi ke rumah emak saudara dan ke rumah kakak YM. Selepas kejadian tersebut YM dan YKT telah berjumpa pada waktu malam dan apabila telah mengetahui kejadian tersebut YKT telah mengesahkan talak telah jatuh. YM yakin bahawa talak telah jatuh dan memohon kepada Mahkamah supaya mengesah dan mensabitkan tuntutan ta'liq lisan mengikut hukum syarak.

Di dalam kes *Nik Abd. Aziz b. Nik Mat Ariffin* lawan *Hamidah binti Bidi*,³³ YM merupakan suami kepada YKT yang tinggal di alamat PT 850, Desa An-Nur, Panji, 16100 Kota Bharu, Kelantan manakala YKT merupakan isteri kepada YM yang boleh dihubungi di alamat 494 Kg. Alur Kesong Melor, Kota Bharu, Kelantan. Kedua-dua pihak telah berkahwin pada 13.9.1991 di Mukim Jambu Merah, Melor, Kota Bharu, Kelantan. Selepas berkahwin kedua-dua pihak tinggal menetap sebagai suami isteri di Panji sehingga sekarang dan hasil daripada perkongsian hidup kedua-dua pihak dikurniakan beberapa orang cahayamata yang berumur di antara 1 hingga 7 tahun. Pada 11.02.2001 jam 2.15 pagi, YM berta'liq kepada YKT dengan lafaz: "**Jika aku minta untuk bersetubuh jatuh talak satu**" dan pada malam berikutnya YM telah minta untuk bersetubuh dengan YKT. Oleh yang demikian YM telah melanggar lafaz ta'liq tersebut.

Perbicaraan telah didengar di hadapan Yang Arif Hj. Muhamad Lutfi b. Hj. Mohd. Nor, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada 22hb. April 2001 bersamaan dengan 29 Muharram 1422H selepas saman disempurnakan

kepada YKT. Selepas mendengar keterangan kedua-dua pihak pada hari perbicaraan tersebut mahkamah telah berpuas hati dan menetapkan tarikh untuk dibacakan keputusan pada 30 Muharram 1422H bersamaan dengan 23 April 2003. Pada 23hb. April 2003 di hadapan kedua-dua pihak, Yang Arif Hakim telah membuat keputusan. Antara alasan penghakiman untuk kes ini ialah:

1. YM telah menfaillkan kes ini berdasarkan Seksyen 37 (1) Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan No.1 tahun 1983.
2. YM dan YKT adalah suami isteri yang sah mengikut hukum syarak.
3. Isu yang disepakati oleh YM dan YKT ialah pada 2.11.2001 jam 2.15 pagi di rumah mereka Kampung Panji, Kota Bharu, Kelantan, YM telah mengeluarkan kata-kata ta'liq iaitu "Jika aku minta untuk bersetubuh jatuh talak satu."
4. YKT mengakui betul lafaz ta'liq tersebut iaitu YM berkata pada tarikh yang sama, tempat yang sama "Aku tak akan minta bersetubuh denganmu, kalau aku minta bersetubuh denganmu, jatuhlah satu talak ke atas dirimu."
5. Kira-kira pada 12.2.01 jam lebih kurang pukul 12.00 malam, YM minta untuk bersetubuh dengan YKT tetapi YKT tidak mahu.
6. YM juga mengakui bahawa beliau telah meminta sedemikian pada masa yang sama pada tarikh 12.2.2001.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, maka mahkamah mensabitkan telah berlaku perlanggaran syarat ta'liq, di mana YM telah meminta untuk bersetubuh

dengan YKT. Oleh itu, mahkamah memutuskan hukum tertalak YKT dari YM dengan satu talak pada 2.12.2001.

3

Dalam kes *Azlina binti Idris* lawan *Md.Azmi b. Abdullah*³⁴ di mana YM boleh dihubungi di alamat Lot 2116, Kg. Tanjung Mas, Batu 2 ½, Jalan Pengkalan Chepa, 15400 Kota Bharu, Kelantan manakala YKT boleh dihubungi di No.51, sebelah Masjid Kemumin, Kg. Kemumin, 16100 Pengkalan Chepa, Kelantan. Kedua-dua pihak telah berkahwin pada 30.9.1989 bersamaan dengan 30 Safar 1410H di Mukim Kemumin, Jajahan Kota Bharu, Kelantan. YKT telah berlafaz ta'liq. Selepas kahwin, kedua-dua pihak tinggal bersama sebagai suami isteri di rumah orang tua YKT sebelum menyewa rumah di Kota Bharu dan selepas itu kedua-dua pihak menetap di Johor, Terengganu dan Selangor kerana urusan kerja. Pada 16.10.1998, YM dan YKT balik menetap di Kelantan iaitu di Lot 2116, Kg. Tanjung Mas, Kota Bharu, Kelantan. Hasil daripada perkahwinan kedua-dua pihak telah dikurniakan empat orang anak yang berumur dalam lingkungan 3 hingga 10 tahun. Pada 27.12.2000 di pagi hari raya Aidilfitri lebih kurang jam 8.00 pagi bertempat di rumah Lot 2116, Kg. Tanjung Mas, Kota Bharu, Yang Kena Tuntut telah berlafaz ta'liq iaitu: “**Kalau mama pergi rumah orang lain pada hari ini selain daripada rumah ayah, jatuh talak.**” Kata-kata telah dilafazkan secara berdepan dengan YM selepas terjadi sedikit salah faham. Selepas YKT melafazkan ta'liq tersebut, YM pada hari yang sama telah pergi ke rumah emak saudara YM yang bernama Mek Jah binti Awang Ngah dan ke rumah kakak YM bernama Ruhani binti Idris. Selepas kejadian tersebut, YM dan YKT telah berjumpa di rumah lot 2116 pada sebelah malam dan apabila telah

mengetahui cerita berkenaan, YKT mengesahkan bahawa talak telah jatuh dan turut ada bersama pada masa itu ialah ayah serta ibu tiri YM. YM dan YKT selepas kejadian tersebut telah tinggal secara berasingan tidak seperti sebelumnya semenjak kejadian tersebut sehingga talak tuntutan ini dibuat.

Perbicaraan bagi kes ini telah didengar di hadapan Yang Arif Hakim Hj. Lutfi b. Hj. Mohd. Nor pada 15hb. Mac 2003. Kedua-dua pihak hadir pada hari sebutan tersebut dan perbicaraan terus dilangsungkan. Pihak YM telah diwakili oleh Peguam daripada Tetuan Mustafa dan Rosniza, manakala YKT tidak diwakili oleh mana-mana peguam.

Sepanjang perbicaraan, pihak-pihak yang bertikai tidak banyak menafikan keterangan sebaliknya mengakui bahawa sememangnya betul YKT telah berlafaz ta'liq. YM juga mengaku telah melanggar ta'liq tersebut. Setelah mahkamah berpuas hati dengan keterangan tersebut, maka pada 26.4.2001 telah membuat keputusan. Antara alasan penghakiman yang kuat pada mahkamah ialah YM dan YKT telah mengaku betul berlaku ta'liq di mana YKT telah mengeluarkan kata-kata pada pagi hari raya 1 syawal 1421H: “**Kalau mama pergi rumah orang lain pada hari ini selain daripada rumah ayah, jatuh talak.**” Oleh yang demikian, mahkamah menjatuhkan hukum tertalaklah YM dari YKT pada 27.12.2000.

Dalam kes *Zarina binti Mohamed lawan Zahari bin Mohd. Razi*,³⁵ YM merupakan isteri kepada YKT yang boleh dihubungi di alamat D-10, Rumah Pangsa Buluh Kubu, 15300 Kota Bharu, Kelantan manakala YKT boleh

dihubungi di alamat Sungai Way Management Sdn. Bhd, Level 16, Menara Sungai Way, Jalan Lagun Timur Bandar Sunway 46150 Petaling Jaya, Selangor. Kedua-dua pihak telah berkahwin pada 14.8.1996 bersamaan dengan 29 Rabiul Awal 1417H di Mukim Masjid Muhammadi, Jajahan kota Bharu, Kelantan mengikut hukum syarak dan YKT telah berlafaz ta'liq. Selepas kahwin, YM berpindah menetap di Klang, Selangor kerana mengikut YKT sehingga bulan Jun 1999 selama 3 tahun. Pada bulan Jun 1999, YM telah balik ke rumah orang tuanya di Kota Bharu, Kelantan bersama anak dan bekerja di Kota Bharu kerana terdapat sedikit perselisihan manakala YKT masih menetap di Selangor. Sepanjang perkahwinan kedua-dua pihak telah dikurniakan seorang anak perempuan yang berumur dalam lingkungan 3 tahun lebih.

Pada awal Januari 2000 dalam bulan Ramadan, YKT telah datang ke Kota Bharu dan pada masa itu telah berlaku perselisihan faham antara YM dengan YKT. Ekoran daripada perselisihan tersebut, YKT pada 5.01.2000 lebih kurang jam 3.00 petang telah berlafaz ta'liq melalui percakapan telefon dengan YM: “**Kalau awak tak balik ke rumah esok, maka jatuh talak satu.**” Pada masa itu YM berada di rumah orang tuanya di Rumah Pangsa Buluh Kubu, Kota Bharu, Kelantan. Selepas YKT berlafaz sedemikian, YM benar-benar telah melanggar lafaz ta'liq tersebut di mana pada keesokan hari iaitu pada 6.01.2000 YM sepanjang masa telah berada di rumah orang tuanya tanpa pergi ke tempat lain. Semenjak kejadian tersebut, YM dan YKT telah tinggal secara berasingan dan YM amat yakin bahawa sudah tidak ada ikatan lagi di antara mereka sebagai suami isteri.

Perbicaraan bagi kes ini telah didengar di hadapan Yang Arif Hakim Hj. Lutfi b. Hj. Mohd. Nor pada 15hb. Mac 2003. Kedua-dua pihak hadir pada hari sebutan tersebut dan perbicaraan terus dilangsungkan. Pihak YM telah diwakili oleh Peguam daripada Tetuan Mustafa & Rosniza manakala YKT tidak diwakili oleh mana-mana peguam. Sepanjang perbicaraan, pihak-pihak yang bertikai tidak banyak menafikan keterangan sebaliknya mengakui bahawa sememangnya betul YKT berlafaz ta'liq dan YM juga mengakui bahawa telah melanggar ta'liq tersebut. Setelah mahkamah berpuas hati dengan keterangan tersebut, maka mahkamah pada 25.6.2001 telah membuat keputusan bahawa perceraian di antara YM dan YKT telah sabit dengan satu talak.

3.5 Faktor Perceraian Ta'liq

Daripada laporan kes-kes serta berdasarkan kajian pada kebanyakan fail-fail kes menunjukkan bahawa secara umumnya, antara faktor yang menyebabkan berlaku pelanggaran syarat ta'liq adalah disebabkan sikap suami yang tidak bertanggungjawab, kurang kesedaran agama, perkahwinan poligami, suami ditahan kerana menagih dadah, alasan mencari pekerjaan serta tiada persefahaman antara suami isteri. Boleh dikatakan faktor berlaku perceraian secara ta'liq kebanyakannya berpunca daripada suami. Berbeza dengan perceraian biasa yang berpunca daripada kedua-dua pihak sama ada suami atau isteri, contoh isteri nusyuz atau tidak sanggup dimadu. Bagi kes-kes ta'liq persendirian puncanya tidak menentu. Kadang-kadang memang suami bercadang untuk menceraikan isteri. Kadang-kadang suami hanya bergurau atau mengugut isterinya dan bukan bermiat untuk bercerai. Walau apa pun alasan suami hukumnya tetap jatuh talak.

Antara contoh kes perceraian ta'liq suami ditahan di pusat serenti kerana menagih dadah adalah kes *Rohani bt. Adam* lawan *Ilias bin Muhammad*.³⁶ Bagi kes cerai ta'liq kerana suami dipenjara boleh dilihat dalam kes *Mek Som bt. Awang Teh* lawan *Azaman @ Azman bin Che Daud*.³⁷ Contoh kes cerai ta'liq yang berpunca daripada suami sudahpun beristeri adalah kes *Naimah bt. Mahmood* lawan *Isa bin Abdullah*.³⁸

Kesimpulan

Hasil daripada kajian terhadap kes-kes yang pilih secara rawak di mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, secara ringkasnya boleh dikatakan bahawa prosedur perbicaraan kes-kes berkaitan dengan cerai ta'liq ini hampir sama. Kebanyakan kes dibicarakan secara sebelah pihak iaitu keterangan YM sahaja dikemukakan bersama saksi-saksinya tanpa kehadiran YKT.

Prosedur kes cerai melalui ta'liq adalah lebih mudah dijalankan berbanding melalui perceraian biasa dimana kehadiran pihak suami atau YKT adalah amat penting bagi mahkamah. Mahkamah perlu mendengar keterangan kedua-dua pihak kerana penyelesaian kes cerai biasa memerlukan lafaz cerai daripada suami atau Hakam Mahkamah jika suami enggan menceraikannya. Jika didapati telah berlaku *syiqāq* iaitu pergaduhan yang besar di antara kedua-dua pihak, ia memakan masa yang lama untuk menyelesaikannya. Oleh itu, perceraian melalui ta'liq sebenarnya lebih memudahkan isteri untuk mendapatkan haknya daripada dianiyai suami yang tidak bertanggungjawab dengan membuat pengesahan di mahkamah.

Memandangkan kebanyakan kes dijalankan secara sebelah pihak tanpa keterangan YKT, maka beban pembuktian adalah terletak di atas tangungan YM. Di sini pihak YM hendaklah mengemukakan saksi yang betul-betul layak dan keterangan yang diberikan tidak meragukan mahkamah.

Boleh dikatakan ketidakhadiran suami ke mahkamah, walaupun setelah diberi surat saman memang disengajakan. Ini disebabkan mereka sudah mempunyai niat untuk menceraikan isterinya. Jika sebaliknya, mereka akan hadir membela diri dan menyatakan hujah atau alasan yang boleh meyakinkan mahkamah dan memuaskan hati isteri mereka.

¹ Kajian secara khusus dibuat di Mahkamah Rendah Syariah untuk mendapatkan maklumat tentang proses perbicaraan kes serta merujuk fail-fail kes yang didaftarkan. Manakala untuk mendapatkan maklumat keseluruhan berkaitan statistik perceraian secara umum boleh dirujuk di Mahkamah Tinggi Syariah

² Seksyen 31 (a),(b) dan (c), EKINK,(Pindaan, seksyen 45, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, No. 6, Tahun 2002) memperuntukkan;

Mahkamah hanya berbidangkuasa untuk membuat suatu perintah perceraian dengan membenarkan seorang suami melafazkan talak jika; perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan, perkahwinan itu mengikut hukum syarak dan semasa permohonan cerai itu pihak-pihak itu bermukim atau bermastautin di Kelantan.

³ Temubual dengan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Tn Hj. Lutpi b. Hj. Nor pada 3 hb. Januari 2002, Tn Hj Wan Yahya bin Hj. Wan Mamat pada 31 hb. Mei 2001 serta beberapa kakitangan Mahkamah Rendah Syariah.

⁴ Temubual dengan Tn. Hj. Muhammad Lutpi bin Hj. Nor. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu pada 3 hb. Januari 2002 menggesahkan bahawa hampir 80% pemohon di Mahkamah Syariah Kota Bharu menggunakan khidmat BBG.

⁵ Lihat lampiran C. (borang 8-Surat perwakilan biro)

⁶ Lihat lampiran D. (contoh pernyata tuntutan) dan lampiran E (contoh pengesahan doktor)

⁷ Permohonan perintah tegahan telah diperuntukkan di bawah seksyen 114 Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan (No.1 tahun 1983),(Pindaan, seksyen 107 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, No. 6, Tahun 2002), yang memberi jaminan keselamatan kepada pihak-pihak yang bertikai daripada diganggu atau dicederakan oleh pihak yang satu lagi sama ada secara mental atau fizikal yang mana perintah ini mampu menghalang pihak yang satu lagi daripada membuat sebarang ancaman terhadap pihak yang satu lagi.

⁸ Lihat lampiran F. (notis kes ta'liq kepada YKT)

⁹ Lihat lampiran G. (borang 11A-perakuan sumpah penyerah notis)

¹⁰ Lihat lampiran H. (notis saman)

-
- ¹¹ Lihat lampiran I. (borang 2D-waran tangkap)
- ¹² Lihat lampiran J. (waran perlukan orang salah)
- ¹³ Sumpah *istiqāhār* ialah sumpah yang dilakukan oleh Yang Menuntut atas permintaan hakim untuk menolak tohmah terhadapnya selepas ia mengemukakan dalil dan keterangan yang diperlukan dalam dakwaan. Ianya merupakan penyempurnaan dalil atau keterangan seperti kesaksian .Lihat Mahmud Saedon A. Othman(1990) *Undang-Undang keterangan Keluarga Islam*, C.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- ¹⁴ Lihat lampiran K (notis tunutan menggesah *mu'allaq 'alayh*)
- ¹⁵ Lihat lampiran K. (surat keputusan perbicaraan)
- ¹⁶ Kes Mal. Bil T.21/99
- ¹⁷ Kes Mal. Mahkamah Rendah Syariah Tumpat, Bil. T.21/86, Jurnal Hukum, J.VI. Bhg.I, September 1988, h.118.
- ¹⁸ Kes Mal. Mahkamah Rendah Syariah Tumpat, Tahun 1987, Jurnal Hukum, J.VI. Bhg.I, September 1988, h.136.
- ¹⁹ Jurnal Hukum, J.VII. Bhg II, Julai 1991, h. 216.
- ²⁰ Kes Mal. Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Bil I. T.46/97
- ²¹ Kes Mal. Bil T.24/2000
- ²² Kes Mal. Bil.T.21/99
- ²³ Kes Mal. Bil T.47/2000
- ²⁴ Kes Mal. Bil T.71/99
- ²⁵ Kes Mal. Bil.T.59/99
- ²⁶ Kes Mal. Bil.T.58/99
- ²⁷ Kes Mal. Bil.T.1/81, Jurnal Hukum, J.IV. Bhg II, April 1984
- ²⁸ Kes Mal. Bil.T.190/99
- ²⁹ Kes Mal. Bil.T.64/2000
- ³⁰ Kes Mal. Bil.T.163/98
- ³¹ Kes Mal. Bil.T.57/2000
- ³² Kes Mal. Bil.T.7/2000
- ³³ Kes Mal. Bil.T.64/2001
- ³⁴ Kes Mal. Bil.T.7/2001
- ³⁵ Kes Mal. Bil.T.78/2001
- ³⁶ Kes Mal. Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Bil T.47/2000
- ³⁷ Kes Mal. Bil.T.85/93
- ³⁸ Kes Mal. Bil.T.163/98